

INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
KAJIAN SENIBINA, PERANCANGAN & UKUR  
JABATAN PERANCANG BANDAR & WILAYAH

Adalah disyorkan bahawa tesis ini yang disediakan oleh  
WAN ABD. GHAFAR B. WAN ABD. HAMID dan RAKIAH BT. PUTEH  
bertajuk INDUSTRI SETINGGAN : FAKTOR PERTUMBUHAN DAN  
IMPLIKASI TERHADAP PERSEKITARAN  
(KES KAJIAN : BATU 4½ - JALAN GOMBAK)

dibawah penyeliaan saya/kami diterima sebagai memenuhi  
sebahagian dari syarat untuk Diploma Perancang  
Bandar dan Wilayah.

Diluluskan oleh:

Noor Hadijah Iskandar  
( PUAN NOOR HADJAR ISKANDAR )  
PENYELIA UTAMA

4-5-84 .

( \_\_\_\_\_ )  
PENYELIA MADYA

INDUSTRI SETINGGAN : FAKTOR PERTUMBUHAN DAN  
IMPLIKASI TERHADAP PERSEKITARAN

Oleh:

WAN ABD. GHAFAR B. WAN ABD. HAMID

RAKIAH BINTI PUTEH

Satu Kajian Akhir Yang Disediakan Untuk Memenuhi  
Sebahagian Dari Syarat Untuk Penganugerahan  
Diploma Perancang Bandar dan Wilayah

Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah  
Kajian Senibina Perancangan dan Ukur  
Institut Teknologi MARA  
Shah Alam, Selangor

April, 1984

KANDUNGANMuka Surat

Kandungan	i
Senarai Jadual	viii.
Senarai Rajah	xii
Senarai Gambarfoto	xii
Sinopsis	xiv
Penghargaan	xv
 BAB 1 : PENDAHULUAN	 1
1.1 PENGENALAN	1
1.1.1 Definasi Industri Setinggan	3
1.1.2 Ciri-Ciri Industri Setinggan	6
1.2 SEJARAH PERSETINGGANAN	9
1.3 LATARBELAKANG INDUSTRI SETINGGAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN	11
1.3.1 Industri Setinggan di Wilayah Persekutuan	11
1.3.2 Taburan Industri Setinggan	14
1.3.2.1 Pertubuhan Industri Setinggan Dalam Penempatan Setinggan	14
1.3.2.2 Pertubuhan Industri Setinggan Sepanjang Jalan Utama dari Pusat Bandar	16
1.3.3 Jenis-Jenis Industri Setinggan	26
1.3.3.1 Industri Setinggan berbentuk Perkhidmatan dan Pembuatan	27
1.3.3.2 Industri Setinggan berbentuk Pertanian	29

1.2

## SEJARAH PERSETINGGANAN

Dari segi sejarah, fenomena persetingganan di kawasan bandar di negara ini telah wujud sejak sebelum Tanah Melayu mencapai keperdekaan lagi, iaitu di zaman pemerintahan Kerajaan British. Kesedaran tentang persetingganan ini lebih jelas lagi pada zaman kemelesetan, dimana didapati bahawa Kerajaan Penjajah (British) tidak mempunyai polisi yang nyata mengenai persetingganan. Kerajaan British sebaliknya menunjukkan tolerasi, malah menggalakkan persetingganan dalam tempoh kemelesetan ekonomi, dimana melalui persetingganan ini, bahan-bahan makanan dapat dihasilkan. Contohnya ialah melalui pembukaan tanah-tanah baru untuk tujuan pertanian. Setelah ekonomi pulih pada pertengahan tahun 1930-an, penduduk dan pengusaha setinggan tersebut telah dicerapkan sebagai buruh dalam perindustrian perlombongan<sup>1</sup>.

Antara tahun 1939 - 1942, jumlah persetingganan di Kuala Lumpur tidaklah begitu jelas sehingga pendudukan Tentera Jepun (1941 - 1945) di Tanah Melayu dalam era Perang Dunia Kedua<sup>2</sup>; yang mana dalam tempoh ini jumlah persetingganan dalam bandar tersebut bertambah. Pertambahan ini adalah disebabkan oleh perpindahan kaum Cina dan India dari luar bandar untuk mendapatkan pekerjaan, yang mana golongan ini telah membentuk pusat persetingganan yang terawal di Kuala Lumpur<sup>3</sup>.

---

1. Veronica M. Friel-Simon, The Squatter as a Problem to Urban Development - 4 Historical Perspectives.

2. Ibid.

3. T. Mc. Gee, The Urbanisation Process in The Third World: In Search of a Theory, (1971) m.s. 130

Pada akhir tahun 1945, Kerajaan British yang kembali berkuasa di Tanah Melayu telah mengadakan kempen memperbanyakkan tanaman makanan dengan melibatkan penduduk tempatan diserata pelur-suk Tanah Melayu, yang juga melibatkan berbagai jabatan pada masa itu. Walau bagaimanapun, tidak ada penjelasan yang diberikan oleh pihak British kepada penduduk khususnya penduduk yang tidak memiliki tanah sebagai menentukan di mana mereka akan bercucuk tanam. Dengan demikian penduduk telah mengambil jalan mudah dengan membuka dan menduduki tanah sama ada tanah kerajaan atau tanah persendirian<sup>1</sup>. Pendudukan cara sebegini berlanjutan hingga kehari ini, terutamanya di sekitar bandar Kuala Lumpur.

Sementara itu perpindahan penduduk luar bandar ke Kuala Lumpur terus meningkat dari setahun kesetahun terutamanya di zaman darurat 1948, yang mana antara sebab perpindahan ialah untuk melarikan diri dari ancaman komunis. Pada tahun 1950, didapati 30%<sup>2</sup> daripada jumlah keseluruhan penduduk Kuala Lumpur terdiri dari para setinggan.

Perkembangan ekonomi antara tahun 1960 - 1970, khususnya dalam sektor perindustrian sampingan (secondary industries) di kawasan bandar merupakan satu faktor 'penarik' (pull factor) bagi perpindahan penduduk luar bandar ke bandar. Penghijrah-

---

1. Veronica M. Friel-Simon, m.s. 32  
2. Ibid.